

TINGKATAN 4
PERATURAN PEMARKAHAN
BAHAGIAN B

Pelajaran 1: Islam sebagai Cara Hidup

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	Maksud Islam sebagai al-Din. Islam adalah cara hidup yang lengkap (1m) merangkumi akidah, ibadah dan akhlak (1m)	(2 markah)
2.	Dua sebab manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup. i. Memandu arah hidup manusia supaya mengikuti syariat Islam ii. Cara hidup Islam adalah untuk mendapat kebahagian di dunia dan di akhirat	(4 markah)
3.	Maksud iman dari segi istilah Membenarkan dengan hati, berikrar dengan lisan, beramal dengan anggota badan (1m) terhadap segala perintah dan larangan Allah SWT.(1m)	(2 markah)
4.	Empat perkara ghaib dalam Rukun Iman i. Beriman kepada Allah SWT ii. Beriman kepada Malaikat iii. Beriman kepada Qdak dan Qadar iv. Beriman kepada hari Akhirat	(4 markah)
5.	Dua kepentingan Ihsan dalam kehidupan. i. Dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni ii. Mengajar manusia untuk berbuat baik kepada manusia dan makhluk yang lain.	(4 markah)
6.	Maksud Islam dari segi istilah Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT, meninggalkan larangan-Nya, beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepada-Nya.	(2 markah)
7.	Dua kepentingan rukun Islam. i. Asas ketaatan kepada ajaran Islam ii. Merupakan kunci kejayaan di dunia dan di akhirat	(4 markah)
8.	Dua tindakan yang boleh dilakukan pihak tertentu bagi merealisasikan Islam sebagai al-Din dalam kehidupan. i. Menghayati dan melaksanakan Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan. ii. Menghayati sirah perjuangan Rasulullah SAW.	(4 markah)
9.	Contoh jawapan Murid yang berdisiplin terbentuk melalui ibadah solat khususnya solat berjamaah (1m) kerana mengikut imam adalah mendidik seseorang itu untuk mengikut peraturan (1m). hal yang demikian tarbiah melalui ibadat solat menjamin kehidupan yang Berjaya di dunia dan akhirat (1m). kesimpulannya, kita hendaklah mendalamai ilmu agama agar Berjaya di dunia dan di akhirat (1m)	(4 markah)

Pelajaran 2: Akidah Menurut Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	Maksud akidah Akidah ialah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil naqli dan aqli.	(2 markah)
2.	Dua sumber akidah yang benar i. Al-Quran ii. Al-Sunnah	(2 markah)
3.	Dua ciri pegangan akidah yang betul. i. Berasaskan tauhid ii. Berpegang dengan dalil naqli dan aqli.	(4 markah)
4.	Dua amalan akidah yang menepati hukum syarak i. Sentiasa berdoa kepada Allah SWT ii. Sentiasa berzikir mengingati Allah SWT	(4 markah)
5.	Dua kepentingan amalan akidah yang menepati hukum syarak i. Boleh membentuk jati diri muslim sejati. ii. Penentu kebahagiaan di dunia dan di akhirat.	(4 markah)
6.	Dua tujuan perutusan rasul kepada umat manusia i. Menyeru manusia mentauhidkan dan menyembah Allah SWT. ii. Mengajar manusia cara beribadat yang betul.	(2 markah)
7.	Dua amalan yang membuktikan anda berpegang kepada akidah yang benar. i. Sentiasa memohon perlindungan hanya kepada Allah SWT. ii. Menjauhi fahaman yang meyeleweng dari ajaran Islam.	(4 markah)

Pelajaran 3: Ibadah Menurut Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	Maksud ibadah Pengabdian diri kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kepada-Nya berdasarkan syariat Allah SWT.	(2 markah)
2.	Bahagian-bahagian ibadah berserta contohnya. Ibadah khusus: contohnya solat fardhu Ibadah umum: contohnya belajar	(4 markah)

SOALAN	JAWAPAN		MARKAH
3.	Dua kepentingan ibadah yang menepati tuntutan syarak. i. Syarat menjadi seorang muslim ii. Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT		(4 markah)
4.	Maksud ibadah umum. Ibadah umum bermaksud semua amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat demi kebaikan dan keharmonian hidup bersama.		(2 markah)
5.	Empat amalan yang berkaitan dengan ibadah. i. Solat fardhu ii. Zakat iii. Belajar iv. Solat jenazah		(4 markah)
6.	Contoh jawapan Saya akan berdamping dengan orang soleh dan berilmu (1m) kerana mereka adalah pewaris nabi yang membimbing orang ramai pada jalan yang benar (1m). Hal yang demikian banyak ilmu yang akan saya perolehi daripada mereka bagi meningkatkan kualiti beribadah (1m). kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti beribadah agar diterima Allah SWT dan menjadi hamba yang direndai-Nya (1m).		(4 markah)
7.	i.	Dua kepentingan ibadah solat. i. Meneguhkan hubungan manusia dengan Allah SWT. ii. Meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.	(4 markah)
	ii.	Dua cara untuk meningkatkan kualiti ibadah. i. Sentiasa mengingati Allah SWT semasa melakukan pekerjaan. ii. Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang ibadah khusus dan ibadah umum.	(4 markah)
8.	Contoh jawapan Saya akan melakukan solat sunat dhuha pada waktu rehat (1m) supaya mudah memahami ilmu yang dipelajari (1m). Hal ini demikian apabila seseorang hamba sentiasa mengingati Allah SWT maka segala urusan menjadi mudah dan memperoleh kejayaan (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah ikhlas dalam beribadat agar menjadi hamba yang dikasihi di dunia dan di akhirat (1m).		(4 markah)

Pelajaran 4: Akhlak Menurut Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	Maksud akhlak Akhlak ialah sifat yang tertanam dalam jiwa mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam.	(2 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
2.	Tiga ciri akhlak dalam Islam ialah i. Bersumber al-Quran dan As sunnah ii. Tetap dan tidak berubah sepanjang zaman iii. Berlandaskan fitrah kejadian manusia iv. Meliputi semua aspek kehidupan	(6 markah)
3.	Maksud akhlak mahmudah dan mazmumah dan contohnya Akhlak Mahmudah ialah <ul style="list-style-type: none"> • Akhlak terpuji yang bersumberkan wahyu al-Quran dan as-Sunnah • Contoh : Reda, bersyukur Akhlak Mazmumah ialah <ul style="list-style-type: none"> • Akhlak terkeji yang dilarang oleh al-Quran dan As-Sunnah daripada diamalkan. • Contoh : Putus asa, khianat 	(4 markah)
4.	Dua hikmah berakhhlak mulia dengan Allah SWT. <ul style="list-style-type: none"> • Sebagai tanda kepatuhan kepada Maha Pencipta • Bukti dan tanda kesyukuran di atas nikmat dan kurniaNya • Mendapat keredaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. 	(4 markah)
5.	Dua kesan terhadap masyarakat yang tidak mementingkan akhlak dalam kehidupan. <ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat akan berpecah belah/ kerana tiada ukhwah antara satu sama lain. • Banyak berlaku perkara yang tidak baik/ seperti pencerobohan dan rompakan. 	(4 markah)
6.	Dua contoh akhlak Rasulullah SAW. <ul style="list-style-type: none"> • Pemaaf • Sabar • Toleransi 	(4 markah)
7.	Tiga cara menghindari akhlak buruk ialah <ul style="list-style-type: none"> • Mempelajari dan menghayati Islam dengan lebih mendalam • Memperbanyak ibadat sama ada yang wajib dan sunat • Bermuhasabah diri dan tidak melakukan perkara mazmumah. • Membuang dan menghilangkan sifat ego dan mementingkan diri sendiri. • Memahami dan mendalami hukum agama. 	(6 markah)
8.	Hujah untuk mengatasi masalah ini. <ul style="list-style-type: none"> • Setuju (1M) • Sebagai seorang insan kita seharusnya menjaga alam dengan baik (F1) agar terpelihara daripada bencana dan kemusnahan flora dan fauna.(H) Dengan itu bumi akan sentiasa aman dan terjaga.(K) 	(4 markah)

Pelajaran 5: Prinsip Pandangan Hidup Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	Maksud Rabbaniyyah ialah Ketuhanan iaitu segala hukum, konsep, prinsip dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT.	(2 markah)
2.	Empat prinsip rabbaniyyah ialah <ul style="list-style-type: none"> • Islam adalah agama yang diwahyukan oleh Allah. • Islam dan seluruh makhluk merupakan hak milik Allah. • Islam adalah satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan , kejahilan dan dorongan hawa nafsu. • Allah sebagai pemberi peraturan hidup. 	(4 markah)
3.	Maksud agama samawi (langit) dan budaya (wad`ie) berserta contoh <ul style="list-style-type: none"> • Agama Samawi ialah ajaran yang bersumberkan wahyu Allah Contoh : Agama Islam dan Kristian • Agama Budaya ialah kepercayaan atau ajaran yang dihasilkan melalui pengalaman, cita-cita dan pemikiran manusia untuk kepentingan diri tanpa bimbingan wahyu. Contoh : Agama Buddha dan agama Hindu 	(4 markah)
4.	Maksud Syumuliyyah ialah Lengkap iaitu agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat.	(2 markah)
5.	Dua prinsip Syumuliyyah ialah <ul style="list-style-type: none"> • Kesempurnaan hanya hak milik Allah • Al-Quran sumber rujukan yang utama • Islam tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu • Manusia dilantik oleh Allah sebagai khalifah di muka bumi ini. 	(4 markah)
6.	Empat prinsip Alamiyyah <ul style="list-style-type: none"> • Kedudukan manusia sebaik-bak kejadian • Nilai keadilan Islam bersifat sejagat • Islam sentiasa menegak kebenaran dan mencegah kemungkar • Islam menjamin hak asasi manusia 	(4 markah)
7.	Empat hak asasi manusia yang dijamin Islam <ul style="list-style-type: none"> • Kebebasan beragama • Kebebasan bersuara • Kebebasan memiliki harta • Hak memelihara kehormatan • Hak melindungi nyawa 	(4 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
8.	Dua kesan kepada masyarakat sekiranya kebebasan bersuara digunakan tanpa batasan. <ul style="list-style-type: none"> • Merosakkan perpaduan / kerana tidak mahu bertolenrasi • Berlaku penyebaran fitnah/ kerana mementingkan diri sendiri. 	(4 markah)
9.	Jelaskan dua bukti Islam bersifat waqi`yyah beserta contoh. <ul style="list-style-type: none"> • Tidak meringankan dan tidak membebangkan / contoh diharuskan berbuka puasa sekiranya sakit. • Agama yang seimbang tuntutan kehidupan di dunia dan akhirat / seperti mempelajari ilmu fardu ain dan fardu kifayah. 	(4 markah)
10.	Dua cara mengamalkan kesederhanaan dalam kehidupan. <ul style="list-style-type: none"> • Seimbang antara tuntutan kehidupan di dunia dan kehidupan di khirat / seperti beribadat ketika bekerja. • Menuntut ilmu fardu ain dan fardu kifayah / untuk kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. 	(4 markah)
11.	Konsep thabat berserta contoh Thabat ialah tetap dan tidak berubah dari segi dasar, prinsip dan pelaksanaannya. Contoh : Aqidah, hukum syariat	(4 markah)
12.	Dua contoh perkaitan thabat dan murunah. <ul style="list-style-type: none"> • Menutup aurat wajib / tetapi boleh berfesyen asalkan menjaga aurat. • Solat / Boleh dilaksanakan mengikut kemampuan ketika sakit seperti solat duduk, baring dan mengiring. 	(4 markah)
13.	Dua hujah untuk menolak dakwaan bahawa ajaran Islam membebangkan. <ul style="list-style-type: none"> • Agama yang mudah/ kerana sesuai untuk semua bangsa, tempat dan zaman. • Boleh dilaksanakan mengikut kemampuan/ seperti solat ketika sakit 	(4 markah)
14.	Dua kepentingan mengamalkan prinsip pandangan hidup Islam sebagai seorang murid. <ul style="list-style-type: none"> • Seseorang itu dapat mengetahui bahawa kehidupan di dunia sementara / dan akhirat adalah destinasi yang sebenar. • Ajaran Islam adalah mudah / dan semua orang mampu melakukannya. 	(4 markah)
15.	Ajaran sesat mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat. Sebagai seorang Islam bagaimanakah anda mengelak daripada terpengaruh dengan ajaran ini. Bincangkan. Cara saya mengelakkan daripada terpengaruh dengan ajaran sesat adalah melengkapkan diri dengan kefahaman Islam (1F) seperti berpegang teguh al-Quran dan al-Hadis (H1). Hal ini bermakna saya akan mempelajari ajaran Islam dengan lebih mendalam (H2) dengan guru-guru Muktabar (H3) agar akidah menjadi mantap .(H4) Oleh itu kita hendaklah sentiasa berdoa kepada Allah supaya diberi hidayah kepada kita agar sentiasa berada dalam akidah yang benar.(K)	(6 markah)

Pelajaran 6 : Fitrah Kejadian Insan

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	Maksud insan ialah Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam.	(2 markah)
2.	Proses kejadian insan menurut al Quran ialah - Nutfah (air mani) - Alaqa (segumpal darah) - Mudghah (segumbal daging) - Izam (Tulang dibaluti daging)	(4 markah)
3.	Tiga keistimewaan insan berbanding makhluk lain. - Dikurniakan akal fikiran supaya mengenal Allah - Dilantik oleh Allah sebagai khalifah di muka bumi. - Mempunyai bentuk fizikal yang menarik dan pancaindera yang sempurna - Makhluk yang berbudaya dan bertamadun - Diberi ganjaran terhadap semua perbuatan manusia.	(6 markah)
4.	Dua bukti bahwa manusia sebaik-baik kejadian . - Diberi ganjaran terhadap semua perbuatan - Dikurniakan pancaindera yang lengkap dan fizikal yang sempurna - Dikurniakan akal untuk berfikir - Diberi tugas sebagai khalifah	(4 markah)
5.	Allah mencipta alam dunia kerana Sebagai tempat untuk manusia beribadat dan menjadi khalifah-Nya.	(2 markah)
6.	Dua kepentingan menjaga fitrah kejadian insan. - Mendapat keredaan dan petunjuk Allah - Mengukuhkan keimanan dan menyemai ketakwaan - Menerima kebenaran dan menolak kebatilan - Membentuk kehidupan yang aman dan harmoni	(4 markah)
7.	Maksud alam barzakh ialah Tempat persinggahan sementara menunggu hari Kiamat sesudah kematian.	(2 markah)
8.	Dua keadaan di alam barzakh. - Soalan Munkar dan nakir - Nikmat dan seksaan kubur	(4 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
9.	<p>Cara kita memelihara fitrah kejadian insan sebagai seorang hamba dan khalifah.</p> <p>Sentiasa menjalinkan hubungan yang baik dengan Allah SWT (F1) seperti melakukan solat sunat dan bersedekah (H) agar menjadi hamba yang direndai oleh Allah. (HL). Oleh itu kita hendaklah melakukan kebaikan agar dirahmati oleh Allah SWT. (K)</p>	(4 markah)

Pelajaran 7 : Tanggungjawab Sebagai Hamba dan Khalifah Allah SWT

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	<p>Maksud hamba Allah</p> <p>Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhanNya dan menjauhi laranganNya.</p>	(2 markah)
2.	<p>Maksud khalifah Allah</p> <p>Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi selari dengan kehendak syariat.</p>	(2 markah)
3.	<p>Dua hubungan hamba dengan khalifah</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hakikat manusia sebagai hamba Allah SWT bukanlah satu penghinaan. ii. Keistimewaan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah ialah anugerah dan amanah yang tidak dimiliki oleh makhluk lain. 	(4 markah)
4.	<p>Tujuan penciptaan manusia ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengabdikan diri kepada Allah ii. Memakmurkan bumi Allah berdasarkan syariat. 	(4 markah)
5.	<p>Tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah terhadap</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Allah dan Rasul <ul style="list-style-type: none"> i. Menyembah Allah SWT yang maha Esa tanpa mensyirikannya. ii. Berselawat dan meneladani sunnah baginda SAW. b) Manusia <ul style="list-style-type: none"> i. Menjalinkan hubungan silaturrahim sesama manusia ii. Memelihara hak sesama manusia c) Alam <ul style="list-style-type: none"> i. Mentadbir dan memakmurkan alam secara terancang. ii. Menggunakan sumber alam semula jadi secara bijaksana. 	(6 markah)
6.	<p>Kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Agama <ul style="list-style-type: none"> i. Syariat dan undang-undang Islam dapat dilaksanakan. ii. rakyat berpegang teguh dengan ajaran Islam yang sebenar. b) Pendidikan <ul style="list-style-type: none"> i. Melahirkan masyarakat madani yang bertaqwa ii. Masyarakat mendapat pendidikan rohani, fizikal, mental dan emosi yang seimbang. 	(10 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
	c) Politik <ul style="list-style-type: none"> i. Melahirkan pemimpin yang berintegriti ii. Negara menjadi aman dan sejahtera d) Ekonomi <ul style="list-style-type: none"> i. Ekonomi maju dan pesat ii. Pembangunan negara dapat dijalankan dengan lancar e) Sosial <ul style="list-style-type: none"> i. Perpaduan dapat dikenalkan ii. Wujud keharmonian dalam masyarakat. 	
7.	Punca-punca pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah <ul style="list-style-type: none"> i. Syariat Islam tidak dapat dilaksanakan ii. Mengabaikan pendidikan iii. Kelemahan urusan pentadbiran iv. Masyarakat bersikap malas 	(4 markah)
8.	Kesan pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah. <ul style="list-style-type: none"> i. Berlaku keruntuhan akhlak dan jenayah berleluasa ii. Masyarakat akan kekurangan ilmu iii. Hilang kepercayaan kepada pemimpin iv. Negara jadi mundur. 	(4 markah)
9.	Tindakan sebagai hamba dan khalifah Allah <ul style="list-style-type: none"> a) Kempen kitar semula <ul style="list-style-type: none"> • -Membentuk diri supaya sentiasa menjaga kebersihan • -Memupuk masyarakat supaya mencintai alam sekitar. b) Bengkel kemahiran dan inovasi <ul style="list-style-type: none"> • -Menjana pemikiran yang kreatif dan kritis. • -memupuk persefahaman antara murid. c) Kursus kepimpinan sekolah <ul style="list-style-type: none"> • -Melatih menjadi pemimpin yang baik. • -Mengamakan konsep amar makruf nahi mungkar d) Kem jati diri <ul style="list-style-type: none"> • -Membentuk keyakinan diri dan kekuatan rohani • -Memberi kesedaran tentang manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. 	(8 markah)

Pelajaran 8 : Peranan Wahyu dan Akal

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	Erti wahyu Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para Nabi dan Rasul melalui perantaraan malaikat Jibril a.s atau terus daripada Allah SWT.	(2 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
2.	Erti akal Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan.	(2 markah)
3.	Tiga ciri wahyu - Datangnya dariapada Allah SWT yang kebenarannya adalah mutlak. - Diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja bukan kepada orang awam. - wahyu terhenti selepas kewafatan Rasulullah SAW.	(6 markah)
4.	Tiga ciri akal - Kurniaan Allah kepada manusia untuk berfikir - Akal membezakan manusia dengan haiwan - Akal tidak mampu memikirkan perkara ghaib.	(6 markah)
5.	Fungsi wahyu a) Terhadap akidah - Panduan dan pedoman bagi akidah yang sahih - Menerangkan tentang perkara ghaib b) Terhadap ibadah - Sebagai sumber utama syariat Islam - Membimbing tatacara beribadat dengan betul. c) Terhadap akhlak - Panduan dalam pembentukan akhlak yang mulia. - Menetapkan hukum yang berkaitan dengan akhlak.	(6 markah)
6.	Tiga keistimewaan al-Quran - Kandungan al-Quran adalah benar dan tidak ada keraguan - Kandungan dan hukum al-Quran kekal sehingga hari kiamat - Membaca dan mendengar al-Quran dikira sebagai ibadah.	(6 markah)
7.	Tiga fungsi akal - Memahami hakikat kebesaran dan kekuasaan Allah SWT - Mempelajari cara-cara untuk mendekatkan diri kepada Allah - Membezakan antara perkara yang hak (kebenaran) dan yang batil (kesesatan).	(6 markah)
8.	Kedudukan wahyu - Sumber dan panduan kepada semua manusia. - Menjadi rujukan utama dalam menentukan hukum hakam - Sebagai pemisah antara yang hak dengan yang batil Kedudukan akal - Kurniaan Allah SWT yang paling istimewa kepada manusia. - membantu memahami kandungan wahyu - Menjadi syarat dalam mempelajari ilmu.	(6 markah)
9.	Perkara yang merosakkan akal - Penyalahgunaan bahan terlarang seperti dadah - Gejala maksiat dan negatif seperti membaca bahan lucu - Mengambil makanan atau minuman yang memabukkan seperti arak.	(6 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
10.	<p>Kepentingan wahyu dalam memelihara akal</p> <ul style="list-style-type: none"> - Wahyu membimbing akal dalam memelihara kebenaran akidah dan iman - wahyu memelihara akal supaya berfikir dan bertindak secara logik selari dengan tuntutan syarak - wahyu melarang perkara yang merosakkan akal seperti arak. 	(6 markah)

Pelajaran 9 : Asas Sistem Sosial Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	<p>Maksud Sistem Sosial Islam ialah :</p> <p>Sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sama lain.</p>	(2 markah)
2.	<p>Sumber utama sistem sosial Islam</p> <p>Al-Quran:</p> <p>Kalam Allah SWT yang diturunkan melalui Malaikat Jibrail a.s kepada Nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada umat manusia.</p> <p>As-Sunnah:</p> <p>Segala perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW samada dari segi perkataan, perbuatan, pengakuan atau akhlak baginda.</p> <p>Al-Ijmak:</p> <p>Persepakatan para ulamak mengenai sesuatu hukum syarak berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah selepas kewafatan Rasulullah SAW.</p> <p>Al-Qias:</p> <p>Menyamakan sesuatu hukum yang tiada nasnya dengan sesuatu hukum yang ada nasnya disebabkan adanya persamaan illah (sebab) hukum.</p>	(8 markah)
3.	<p>Tiga matlamat sistem sosial Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendapat keredhaan Allah SWT - Melaksanakan tugas sebagai khalifah untuk mentadbir dan memakmurkan alam - Melaksanakan hak dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya. 	(6 markah)
4.	<p>Empat adab dan etika sistem sosial Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berpandukan al-Quran dan as- Sunnah - Perhubungan atas dasat iman dan takwa kepada Allah SWT - Mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan individu - Mengamalkan akhlak yang mulia pada setiap masa. 	(8 markah)
5.	<p>Hak Asasi Manusia yang dijamin oleh Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kebebasan beragama Islam tidak memaksa orang bukan Islam untuk menganuti agama Islam. b) Kebebasan bersuara Islam menjamin kebebasan bersuara bagi mengemukakan pendapat masing-masing. c) Perlindungan nyawa Islam meletakkan nyawa manusia sebagai sesuatu yang sangat berharga. 	(12 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
	<p>d) Kehormatan diri Islam mewajibkan manusia memelihara kehormatan diri agar tidak dipandang hina oleh orang lain.</p> <p>e) Pemilikan harta Islam menganjurkan manusia berusaha meningkatkan taraf hidup dengan mencari rezeki yang halal.</p> <p>f) Keamanan dan keselamatan Islam menjamin keamanan dan kesejahteraan dalam kehidupan manusia.</p>	
6.	<p>Keistimewaan sistem sosial Islam</p> <p>a) Bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah Menjalinkan perhubungan dan pergaulan antara manusia berteraskan panduan al-Quran dan as-Sunnah.</p> <p>b) Menjaga hak asasi manusia Islam menjamin hak asasi manusia meliputi hak untuk hidup, darjat, keadilan, pemilikan harta dan kebebasan beragama.</p> <p>c) Menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera Malahirkan anggota masyarakat yang bertakwa yang sentiasa menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran.</p> <p>d) Membangunkan modal insan yang berilmu dan berakhlik mulia Malahirkan individu yang terdidik dengan ilmu pengetahuan dan akhlak mulia sebagai modal insan yang bertanggungjawab untuk membangunkan negara.</p>	(8 markah)
7.	<p>Kepentingan sistem sosial Islam terhadap:</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Agama Malahirkan masyarakat yang mentaati perintah Allah SWT . ➤ Politik Menjamin kestabilan politik ➤ Ekonomi Menegakkan keadilan ekonomi dalam masyarakat berdasarkan sistem jual beli Islam. ➤ Pendidikan Membangunkan sistem pendidikan secara holistic yang meliputi ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah ➤ Perpaduan Mewujudkan masyarakat yang saling hormat menghormati antara satu sama lain. 	(10 markah)
8.	<p>Tindakan untuk merealisasikan Sistem Sosial Islam dalam kehidupan</p> <p>a) Gotong royong Membantu masyarakat setempat membersihkan persekitaran kawasan perumahan.</p> <p>b) Sukaneka Memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat</p> <p>c) Program RIMUP Menjalinkan hubungan antara murid daripada pelbagai kaum.</p>	(6 markah)

Pelajaran 10 : Sistem Kekeluargaan Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	<p>Pengertian keluarga menurut Islam</p> <p>Keluarga ialah unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat</p>	(2 markah)
2.	<p>Tiga ciri kekeluargaan Islam ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Dibina berdasarkan ketaatan kepada Allah ii. Sentiasa mengamalkan akhlak mulia iii. Melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing 	(6 markah)
3.	<p>Dua matlamat institusi kekeluargaan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membentuk kesempurnaan akhlak mulia ii. Melahirkan generasi yang bertakwa kepada Allah SWT iii. Dapat melaksanakan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan 	(6 markah)
4.	<p>Tiga kepentingan sesebuah perkahwinan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Dapat memupuk perasaan kasih sayang antara suami isteri ii. Dapat menghindarkan daripada perbuatan maksiat iii. Dapat memelihara nasab dan keturunan manusia dengan sempurna 	(6 markah)
5.	<p>Empat cara sesebuah perkahwinan menjadi ibadat</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Niat perkahwinan kerana Allah swt ii. Segala kaifiyat perkahwinan hendaklah mengikut hukum syarak iii. Niat perkahwinan untuk mengikut sunnah Rasulullah saw iv. Semua ahli keluarga melaksanakan tanggungjawab berdasarkan hukum Islam 	(4 markah)
6.	<p>Empat kesan buruk jika ahli keluarga gagal melaksanakan peranan masing-masing</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kehidupan ahli keluarga akan menderita dan tiada kebahagiaan dalam keluarga ii. Menyebabkan ahli keluarga jahil dalam agama iii. Tiada keberkatan daripada Allah swt dalam kehidupan berkeluarga iv. Ahli keluarga mudah terjebak dengan perkara yang melanggar hukum syarak 	(4 markah)
7.	<p>Empat faktor berlakunya penceraian dalam rumah tangga</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Suami isteri tidak taat kepada perintah Allah swt ii. Tiada persefahaman antara suami isteri dalam rumah tangga iii. Suami isteri tidak melaksanakan tanggungjawab dalam rumah tangga iv. Berlakunya kecurangan pada pasangan dalam rumah tangga 	(4 markah)
8.	<p>Tiga aktiviti dalam membina keluarga yang bahagia menurut Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Solat berjemaah ii. Beriadah dan berekreasi secara bersama iii. Sentiasa makan bersama iv. Meraikan kejayaan ahli keluarga secara bersama 	(6 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
9.	Empat kesan perlaksanaan tanggungjawab terhadap keluarga <ol style="list-style-type: none"> Mewujudkan kerukunan dalam sebuah rumahtangga Suami isteri hidup dalam keadaan berkasih sayang Anak-anak membesar dengan penuh kasih sayang Pengalaman Islam dapat diterapkan dalam keluarga 	(4 markah)
10.	Bagaimana pernyataan tersebut dapat dicapai <ul style="list-style-type: none"> Ahli keluarga menunaikan peranan masing-masing Suami sebagai ketua keluarga memastikan rumahtangga selari mengikut hukum syarak 	(4 markah)

Pelajaran 11 : Prinsip Pergaulan Menurut Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	Maksud pergaulan menurut Islam Komunikasi dan perhubungan antara individu dengan individu yang lain berteraskan syariah Islam.	(2 markah)
2.	Empat ciri-ciri pergaulan menurut Islam <ul style="list-style-type: none"> Bermatlamatkan keimanan kepada Allah SWT Mengutamakan keamanan dan keharmonian hidup. Berlandaskan syariah Islam. Bekerjasama dalam perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran Memberikan panduan berinteraksi sesama manusia berdasarkan ajaran Islam 	(4 markah)
3.	Empat adab pergaulan dalam Islam <ol style="list-style-type: none"> Menjaga tutur kata supaya tidak menyakiti hati orang lain Berlaku adil dan ihsan terhadap semua manusia Menghormati dan tidak menghina orang lain Bersangka baik kepada orang lain Menjaga batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan Menjaga batasan aurat 	(4 markah)
4.	Empat kebaikan mengamalkan adab dalam pergaulan <ol style="list-style-type: none"> Adab dalam pergaulan dapat mengangkat martabat seseorang di sisi Allah SWT Menjadikan seseorang itu disukai oleh orang ramai Menghindarkan prasangka dalam masyarakat Mewujudkan keharmonian dan keamanan dalam masyarakat 	(8 markah)
5.	Maksud sifat mahmudah dalam pergaulan Sifat terpuji yang diamalkan oleh seseorang individu semasa berinteraksi dengan orang lain dalam pergaulan	(2 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
6.	Empat cara memupuk sifat mahmudah dalam pergaulan <ol style="list-style-type: none"> Mempelajari ilmu pengetahuan yang benar Dilatih dan dipupuk sejak dari kecil lagi Sentiasa mempraktikkan sifat mahmudah dalam pergaulan sesama manusia Sentiasa mengamalkan nilai-nilai Islam dalam pergaulan Membudayakan sifat mahmudah dalam masyarakat 	(8 markah)
7.	Maksud sifat mazmumah dalam pergaulan Sifat-sifat keji yang diamalkan seseorang individu semasa berinteraksi dengan orang lain semasa bergaul	(2 markah)
8.	Empat cara menghindari sifat mazmumah dalam pergaulan <ol style="list-style-type: none"> Pandai memilih kawan yang berakhhlak mulia dalam eprgaulan Mengtahui keburukan sifat mazmumah Sentiasa berinteraksi dengan orang ramai dengan bersopan dan berakhhlak Sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan dengan mengikuti ceramah agama dan sebagainya 	(4 markah)
9.	Empat kepentingan prinsip pergaulan dalam Islam <ol style="list-style-type: none"> Dapat memelihara kesucian dan maruah umat islam Dapat membentuk masyarakat yang harmoni, saling memahami dan membantu antara satu sama lain Melahirkan manusia yang bertakwa, beristiqamah dan berdisiplin Mengukuhkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan 	(4 markah)
10.	Empat sebab berlaku pergaulan bebas <ol style="list-style-type: none"> Kurangnya didikan agama dalam diri seseorang Mengikuti tuntuhan hawa nafsu dan bisikan syaitan Terpengaruh dengan budaya barat Sukakan hiburan dan hidup berpeleseran 	(8 markah)

Pelajaran 12 : Hiburan Menurut Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	Maksud hiburan menurut Islam Ialah sesuatu perkara yang dapat menghiburkan dan mengembirakan hal seseorang yang selari dengan kehendak syarak	(2 markah)
2.	Empat ciri hiburan yang dibenarkan dalam Islam <ol style="list-style-type: none"> Bertujuan untuk mengagungkan Allah swt dan mendidik jiwa Hiburan yang tidak bercanggah dengan kehendak syarak Meliputi aspek iman dan akhlak Hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah semulajadi manusia 	(4 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
3.	Tiga adab dan etika berhibur menurut Islam i. Memakai pakaian yang menutup aurat ii. Menjaga batas pergaulan ketika berhibur iii. Acara hiburan tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak	(6 markah)
4.	Tiga kebaikan hiburan kepada seseorang individu i. Dapat menenangkan jiwa ii. Dapat membina akhlak yang mulia iii. Dapat mendidik jiwa dan mengagungkan Allah SWT	(6 markah)
5.	Tiga punca berlaku hburan yang melampau batas i. Kurang didikan agama yang sempurna ii. Sikap masyarakat yang lebih mementingkan diri sendiri iii. Kemunculan teknologi yang memudahkan manusia berhibur seperti internet dan sebagainya	(6 markah)
6.	Tiga kesan buruk hiburan yang melampau i. Melahirkan masyarakat yang sukakan keseronokan semata-mata ii. Meningkatkan gejala sosial dalam kalangan remaja dan belia iii. Menyebabkan generasi muda lupa pada matlamat hidup yang sebenar	(6 markah)
7.	Tiga penghayatan dalam berhibur menurut Islam i. Berhibur secara sederhana dan tidak melampau ii. Tidak mengganggu dan menzalimi orang lain iii. Sentiasa menghormati dan mengutamakan waktu beribadah	(6 markah)

Pelajaran 13 : Kesenian Menurut Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	Maksud kesenian menurut Islam Aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak.	(2 markah)
2.	Empat jenis kesenian dalam Islam i. Tulisan khat – segala tulisan yang cantik untuk hiasan ii. Penulisan – seni kesasteraan iii. Lukisan dan arca – Lukisan keindahan alam yang tidak termasuk benda-benda yang bernyawa yang boleh menjadi pujaan seperti haiwan, manusia atau patung iv. Gambar fotografi-fotografi yang tidak mendedahkan aurat dan menghairahkan	(8 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
3.	<p>Empat bentuk kesenian yang diharamkan dalam Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kesenian yang mengandungi unsur-unsur pemujaan kepada berhala ii. Kesenian yang mengandungi unsur maksiat iii. Kesenian yang boleh merosakkan akidah iv. Kesenian yang boleh melalaikan seseorang daripada mengingati Allah SWT 	(4 markah)
4.	<p>Empat adab dan etika kesenian dalam Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan kepada Allah SWT ii. Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syariah Islam iii. Kesenian yang berteraskan nilai dan akhlak Islam iv. Hasil seni yang tidak merosakkan akidah dan maksiat kepada Allah SWT 	(8 markah)
5.	<p>Tiga cara menjadikan kesenian Islam sebagai asas kesenian individu</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan garis panduan yang jelas mengenai kesenian Islam ii. Memberi pendidikan dan pengetahuan kepada masyarakat tentang kesenian Islam iii. Memberi ganjaran yang sesuai kepada pengiat seni Islam 	(6 markah)
6.	<p>Tiga kepentingan adab dan etika kesenian kepada negara</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Melahirkan negara yang mempunyai ketemadunan dan kesenian yang berasaskan Islam ii. Syiar Islam dapat ditegakkan dalam negara iii. Melahirkan negara yang aman dan harmoni iv. Melahirkan sebuah negara yang berseni 	(6 markah)
7.	<p>Empat sebab kesenian barat yang boleh merosakkan kesenian Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kesenian barat mementingkan aspek keindahan tanpa menekankan aspek moral dan akhlak ii. Kesenian barat tidak mengambil kira hukum halal dan haram dalam berkarya iii. Konsep kesenian barat hanya menekankan nilai-nilai estetika yang tinggi yang mampu memberikan kepuasan, kegembiraan dan keselesaan kepada naluri manusia sahaja iv. Kesenian barat akan menyebabkan seseorang semakin jauh daripada Allah SWT 	(8 markah)
8.	<p>Tiga cara memertabatkan kesenian Islam dalam kehidupan seharian</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menerapkan kesenian Islam dalam sistem persekolahan ii. Memberi ganjaran yang sewajarnya kepada pengiat seni Islam iii. Menjadikan kesenian Islam sebagai kesenian negara 	(6 markah)
9.	<p>Tiga cara menerapkan kesenian Islam dalam kehidupan seharian</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengamalkan adab dan etika kesenian Islam dalam menghasilkan karya seni ii. Sentiasa mengambil kira hukum halal dan haram semasa berkarya iii. Sentiasa menjadikan penghasilan karya seni sebagai ibadah kepada Alhhah SWT 	(6 markah)
10.	<p>Tiga cara saya mengaplikasikan kesenian Islam dalam kehidupan seharian</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Saya sentiasa menyukai kesenian yang bermotifkan alam sekitar ii. Saya sentiasa menghiasi kediaman saya dengan khat dari ayat-ayat al-Quran dan hadis nabawi iii. Saya suka mendengar bacaan ayat suci al-Quran dan lagu-lagu yang berunsurkan nasihat 	(6 markah)